

**TEKS UCAPAN**  
**YANG DIPERTUA**  
**MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI**  
**MAJLIS PELANCARAN ANUGERAH**  
**KITAR SEMULA SEKOLAH,**  
**18 APRIL 2016 (ISNIN), 10.30 AM**

---

**Yang Dihormati Ahli Majlis- Ahli Majlis**  
Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Yang Berusaha Puan Nazzia Binti Abu Hassan Shaari**  
Penolong Pengurus Pembangunan Perniagaan, PLB Eco Solutions Sdn  
Bhd

Ketua - ketua Jabatan

Rakan - rakan Media  
Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian.

---

Assalamualaikum Warahmatullahhi Wabarakatuh, Selamat Pagi dan  
Salam Sejahtera

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada PLB Eco Solutions Sdn Bhd kerana sudi bekerjasama dengan MPSP dalam menaja program Anugerah Kitar Semula Peringkat Sekolah-sekolah.

Untuk makluman ini adalah tahun kedua Anugerah Kitar Semula Sekolah diadakan. Penaja bagi program ini pada tahun 2016 adalah PLB Eco Solutions Sdn Bhd. Pada tahun 2015, iaitu penaja pertama program Anugerah Kitar Semula Sekolah ialah Infitech Machinery yang juga merupakan syarikat yang sama.

Tuan-tuan dan puan-puan,

MPSP sering menerima pertanyaan sama ada dapat memberi tong kitar semula kepada sekolah-sekolah. PLB Eco Solutions Sdn Bhd telah bersetuju dan berbesar hati memberi sumbangan bagi menjayakan program kitar semula. Saya dengan sukacitanya ingin memaklumkan bahawa setiap sekolah yang menyertai program ini akan diberikan 3 unit *jumbo bag* bagi mengisi kertas, plastik dan logam.

Ini merupakan satu lagi konsep 4Ps iaitu, *Public, Private, People* dan *Partnership* diantara antara MPSP, sekolah-sekolah dan Pihak PLB Eco Solution Sdn. Bhd. Tanpa perkongsian (4Ps) ini, program ini tidak akan mencapai matlamatnya iaitu konsep *Zero Waste* di sekolah. Pihak PLB sendiri telah bermurah hati untuk menaja dan memberikan 3 unit jumbo bagi setiap sekoah yang mengambil bahagian.

Sebagai makluman semua, salah satu daripada fokus MPSP adalah pengindahan, kehijauan dan kemudahan awam. Justeru, bagi menggalakkan penduduk Seberang Perai untuk menjaga dan memelihara

kehijauan di sekitar kawasan Seberang Perai, maka MPSP akan memberikan 10 buah pasu bunga kepada sekolah-sekolah yang menyertai anugerah sekolah hijau. Penyerahan pasu bunga akan diadakan pada penghujung bulan Mei, 2016.

Saya telah dimaklumkan bahawa sehingga kini 97 buah sekolah telah menghantar borang permohonan untuk menyertai anugerah sekolah hijau. Pendaftaran adalah masih terbuka jika terdapat pihak sekolah yang masih lagi ingin menyertai Anugerah Sekolah Hijau tahun 2016 dan laporan aktiviti hendaklah dikemukakan sebelum 31 Julai 2016.

Hadirin sekalian,

Bagi menjayakan program ini, MPSP akan terus memberi latihan/bengkel kepada sekolah-sekolah. Setakat ini sebanyak 17 bengkel telah diadakan di sekolah pada tahun ini. Latihan adalah termasuk ceramah kitar semula selama 1.5 jam dan diikuti bengkel selama 1 jam bagi pengasingan sisa, membuat kompos, cecair jus buah-buahan tertapai dan sabun. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menjemput pihak sekolah yang berminat untuk membuat persembahan kebudayaan atau membuat produk ‘up-cycle’ pada hari Ahad pertama setiap bulan di Jalan Todak 2, Seberang Jaya sempena pagi bebas kenderaan (car free morning) boleh menghubungi Jabatan kemasyarakatan untuk mendapatkan maklumat tambahan.

Langkah yang diambil oleh PLB Eco Solutions Sdn Bhd ini adalah selaras dengan Dasar Pengasingan Sisa di Punca yang akan dilaksanakan pada 1 Jun 2016. Langkah ini bertujuan untuk mengurangkan sisa yang dilupuskan di Pulau Burung.

Melalui Dasar Pengasingan Sisa di Punca ini, semua penduduk di negeri Pulau Pinang dimestikan mengasingkan sampah mereka sebelum dilupuskan kepada dua kategori iaitu, barang kitar semula dan sisa domestik. Kaedah ini merupakan pengasingan sisa di punca yang paling mudah. Kaedah ini dipilih kerana mudah dilaksanakan dan mudah diterima oleh masyarakat.

Menguruskan sisa bukanlah satu kerja yang mudah, kerana ia memerlukan kerjasama antara semua iaitu penduduk dan pihak MPSP sendiri. Setiap hari, sekitar 1,800 tan sisa dari negeri Pulau Pinang dilupuskan di Pulau Burung dengan kadar pecahan 1100 tan daripada MPSP, manakala 700 tan daripada MBPP. Lama kelamaan, tapak pelupusan ini akan penuh dan tapak baru harus dikenal pasti dan disediakan untuk menampung sisa negeri. Mencari tapak baru di negeri Pulau Pinang untuk tapak pelupusan sampah baru adalah mencabar kerana tanah adalah terhad dan mahal.

Jika penduduk Seberang Perai boleh mengurangkan sisa sebanyak 50%, iaitu dari 1100 tan kepada 550 tan sahaja sehari, MPSP dapat menjimatkan RM11,110 tipping free dalam sehari. Kita sedia maklum, tipping fee bagi satu tan sampah yang dihantar ke Pulau Burung adalah RM20.20. Dengan pengurangan sebanyak 50% sisa ini, penjimatan dalam tempoh sebulan ke atas tipping fee ialah RM333,300 dan untuk setahun penjimatan MPSP akan mencecah RM3,999,600 iaitu menghampiri sejumlah RM 4 Juta.

Oleh itu, kita perlu meningkatkan kesedaran rakyat negeri Pulau Pinang untuk menangani sisa kita dengan lebih berkesan melalui pengasingan sisa di punca. Amalan untuk mengasingkan sisa pepejal dan bahan kitar

semula ini boleh mengurangkan sisa yang yang dihantar ke tapak pelupusan seterusnya memanjangkan jangka hayat tapak pelupusan kita.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Mpsp akan turut melaksanakan program-program kelastrian alam sekitar melalui program Local Action 21. Dalam tahun 2015 sebanyak 235 program telah dijalankan. MPSP akan terus menjalankan program-program ini dan jika tuan puan ada sebarang cadangan bolehlah menghubungi En. Chew Eng Seng, unit Eco Komuniti, Jabatan Kemasyarakatan.

Kadar kitar semula di Pulau Pinang merupakan kadar kitar semula yang tertinggi di Malaysia iaitu 32% dan kadar kitar semula MPSP adalah 39%. Ini telah melebihi kadar sasaran iaitu 20% yang ingin dicapai diperingkat kebangsaan menjelang 2020. Walau bagaimanapun, kadar ini masih rendah jika dibandingkan dengan negara-negara maju.

Diharapkan dengan aktiviti kitar semula ini, ianya dapat merealisasikan motto Negeri Pulau Pinang dalam menjadikan Pulau Pinang sebagai *“Cleaner, Greener, safer and Healthier Penang”*.

Terima kasih kepada pihak PLB Eco Solutions Sdn Bhd dan pihak sekolah kerana kerjasama erat yang dijalankan dengan MPSP dalam meningkatkan kesedaran penduduk Seberang Perai khususnya dan Pulau Pinang umumnya dalam menjaga alam yang dipinjam dari generasi akan datang sebelum dikembalikan kepada mereka.

Dengan ini;  
Sukacitanya saya merasmikan majlis Pelancaran Anugerah Kitar Semula  
Sekolah

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi

Wabarakatuh.  
Terima kasih.